

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan permohonan Pulau Pinang berhubung pengesyoran mencalonkan 'Budaya Penjaja' dalam Senarai Perwakilan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO di bawah Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage. Juga nyatakan pendekatan Kerajaan dalam memelihara budaya berkenaan sebagaimana dilaksanakan Negara Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang meneliti dan mengkaji potensi 'Budaya Penjaja' untuk dicalonkan di bawah *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*, UNESCO. Kajian yang lebih mendalam diperlukan untuk melengkapkan maklumat berkaitan berserta justifikasi serta perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO. Selain itu juga, beberapa aspek penting perlu disediakan termasuk dari segi *Safeguarding Plan* dan Inventori yang mana proses ini akan mengambil masa yang panjang dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak.

Selain itu, terdapat warisan kebudayaan tidak ketara lain yang sedang diusahakan penyenaiaannya oleh pihak Kementerian dalam waktu terdekat ini di peringkat UNESCO seperti *Malaysian Breakfast* (Teh Tarik, Roti Canai dan Nasi Lemak) yang menjadi sebahagian daripada budaya penjaja di Malaysia. Pengiktirafan ini bukan sahaja dapat mengangkat identiti masyarakat Malaysia bahkan akan dapat menarik minat pelancong untuk datang ke Malaysia menikmati makanan warisan tersebut.

Sekian, terima kasih.